



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

#### **MANFAAT TAKAFUL PERCUMA SIMPAN SSPN PRIME BANTU PENDIDIKAN ANAK**

1. Semangol, Perak, 30 Julai 2022 - PTPTN melalui Program Ziarah PTPTN Prihatin telah mengunjungi waris Allahyarhamah Nor Azira binti Mohamed iaitu adik Nur Adriana Aleeya binti Zulkifli yang merupakan anak sulung Allahyarhamah bertempat di kediaman nenek beliau. Semasa kunjungan ini, telah diadakan penyerahan manfaat takaful yang dihadiri oleh YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN dan YB. Mohamed Noor bin Dawoo, Adun Selinsing. Turut hadir YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Puan Wan Zawiah Wan Abu Bakar, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Pemasaran PTPTN dan Encik Andi Nurali Mohamed, Pengurus Besar Negeri Pejabat PTPTN Negeri Perak.
2. Nor Azira binti Mohamed, 41 tahun yang bekerja sebagai Penyelia Stor telah meninggal dunia pada 26 September 2021 lalu akibat wabak Covid-19. Beliau merupakan pendeposit Simpan SSPN Prime yang telah membuka akaun untuk tiga (3) orang anak beliau. Ketika disahkan meninggal dunia, beliau mempunyai simpanan di dalam Simpan SSPN Prime yang melayakkan beliau menerima manfaat perlindungan takaful bersamaan dengan jumlah simpanan berserta khairat kematian sebanyak RM2,000.00.
3. Inilah keistimewaan Simpan SSPN Prime yang memberikan manfaat perlindungan takaful percuma secara Ringgit ke Ringgit kepada pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas sekiranya berlaku kematian/ ilat kekal menyeluruh kepada mereka. Sehingga 30 Jun 2022, sebanyak 3,203 tuntutan telah dibayar dengan jumlah manfaat perlindungan takaful dan khairat kematian percuma sebanyak RM27.19 juta.

4. Sememangnya nilai manfaat ini tidak dapat menggantikan kasih sayang dan tanggungjawab sebagai seorang ibu atau bapa, namun simpanan di dalam Simpan SSPN Prime dan nilai manfaat yang diterima ini dapat menampung kos pendidikan anak-anak yang ditinggalkan. Allahyarhamah Nor Azira telah membuat pilihan yang tepat dengan membuat perancangan kewangan untuk masa depan pendidikan anak-anak melalui Simpan SSPN Prime bagi memastikan pendidikan dan masa depan anak-anaknya terus terjamin. PTPTN telah membantu masyarakat Malaysia membuat perancangan kewangan bagi tujuan pendidikan seawal usia anak-anak melalui Simpan SSPN Prime.

5. Simpan SSPN Prime turut menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat lain kepada pendeposit seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih sehingga RM8,000 setahun, dividen yang kompetitif, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga, patuh syariah dan dijamin oleh Kerajaan. Secara keseluruhan sehingga 30 Jun 2022, sebanyak 5.4 juta akaun Simpan SSPN telah dibuka dengan deposit simpanan berjumlah RM12.5 bilion.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**  
**10 Ogos 2022**